

JITRA, 12 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMINTA UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU, YANG DIKETUAINYA, SUPAYA TIDAK MENCALONKAN SESIAPA UNTUK BERTANDING PADA PERHIMPUNAN AGUNG PARTI ITU KERANA BIMBANG TINDAKAN ITU AKAN DISALAH TAFSIRKAN OLEH PERWAKILAN SEBAGAI +MEMBAYANGKAN HASRAT PERDANA MENTERI+.

+ADA ORANG MENTAFSIRKAN BAHAWA APA YANG DIBUAT OLEH UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU MEMBAYANGKAN PENDIRIAN SAYA. OLEH ITU, SAYA MERAYU SUPAYA UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU TIDAK MENCADANGKAN SENARAI CALON PRESIDEN, TIMBALAN PRESIDEN DAN ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN BAHAGIAN TERSEBUT DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, MENJELASKAN BAHAWA BELIAU TIDAK MEMIHAK KEPADA MANA-MANA CALON.

+SIAPA SAHAJA BOLEH JADI NAIB PRESIDEN. SAYA TIDAK ADA APA-APA PENDIRIAN TERHADAP SESIAPA SAJA,+ KATANYA.

BAGI TIGA JAWATAN NAIB PRESIDIEN, BEBERAPA TOKOH PARTI TELAH MENYATAKAN KESEDIAAN MEREKA UNTUK BERTANDING PADA PEMILIHAN SEMPENA PERHIMPUNAN AGUNG SELAMA EMPAT HARI MULAI 29 NOV INI. MEREKA TERMASUK PENYANDANG-PENYANDANG JAWATAN IAITU TAN SRI WAN MOKHTAR AHMAD, DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI DAN DATUK SERI ANWAR IBRAHIM.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERHARAP ORANG TIDAK AKAN MENTAFSIRKAN PENDIRIAN BELIAU UNTUK TIDAK MEMIHAK KEPADA SESIAPA SEBAGAI +TIDAK SUKA KEPADA NAIB PRESIDEN YANG ADA.+ -- LAGI
1700MST 12 11 90

D745

U B580 AAB
MAHATHIR - MT 2 JITRA

SEBELUM ITU DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU BERHARAP PEMILIHAN MAJLIS TERTINGGI PARTI AKAN BERJALAN DALAM SUASANA TENANG DAN BERSIH.

BELIAU JUGA BERKATA, SETELAH UMNO MENGELUARKAN ARAHAN BAHAWA MESYUARAT PERWAKILAN BAHAGIAN HANYA BOLEH DIRASMIKAN OLEH KETUA BAHAGIAN SAHAJA BAGI MENGELAKKAN KEMPEN TIDAK SIHAT DAN BERLAKU PAKATAN, TIMBUL PULA SATU CARA LAIN YANG DILAKUKAN OLEH PEMIMPIN TERTENTU IAITU DENGAN MENGADAKAN JAMUAN DENGAN MENJEMPUT PEMIMPIN DARI NEGERI LAIN DENGAN TUJUAN MENGADAKAN PAKATAN.

SEHUBUGAN DENGAN ITU, BELIAU MEMINTA SUPAYA MANA-MANA NEGERI YANG MENGADAKAN JAMUAN UNTUK MERAIKAN KEMENANGAN PILIHAN RAYA BARU-BARU INI SUPAYA MENGHADKAN JEMPUTAN MEREKA DI KALANGAN ANGGOTA UMNO DARI NEGERI BERKENAAN SAHAJA DAN TIDAK MENJEMPUT PEMIMPIN DARI NEGERI LAIN.

BELIAU JUGA MENINGATKAN PARA MENTERI BESAR, YANG MENURUTNYA SEBELUM INI PERNAH MENGADAKAN PAKATAN UNTUK MENYOKONG ANTARA SATU SAMA LAIN BAGI JAWATAN MAJLIS TERTINGGI, SUPAYA TIDAK LAGI BERBUAT DEMIKIAN.

MENURUTNYA, SUDAH MENJADI AMALAN UMNO BAHAWA MENTERI BESAR YANG KALAH DALAM PERTANDINGAN JAWATAN MT, DILANTIK UNTUK MENGANGGOTAINYA KERANA TERDAPAT ENAM JAWATAN YANG BOLEH DIBUAT SECARA PERLANTIKAN.

-- LAGI
1710MST 12 11 90

D746

U B581 AAB
MAHATHIR - MT 3 JITRA

BELIAU JUGA BERKATA, MEREKA YANG BERTANDING PERLU MENYERAHKAN KEPADA PERWAKILAN UNTUK MEMBUAT PILIHAN BERDASARKAN KEPADA KHIDMAT MEREKA KEPADA PARTI DAN TIDAK MENGGUNAKAN TAKTIK SEPERTI MENFITNAH DAN MENGGUNAKAN WANG.

BELIAU JUGA BERHARAP AGAR ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI YANG AKAN DIPILIH BUKAN DARIPADA KALANGAN +PAK TURUT+ SAHAJA.

+KALAU DENGAR SUARA BERSETUJU SAHAJA...BETUL BELAKA, MAKA AKHIRNYA KITA JADI TIDAK BETUL,+ KATANYA. -- BERNAMA